



Jabatan Alam Sekitar

1h · 🌐

...

JAS PULAU PINANG TERLIBAT DALAM PROGRAM 'EARTH DAY ORCHID SHOW' DI STRAITS QUAY, PULAU PINANG

31 Mac 2024, GEORGETOWN: JAS Pulau Pinang terlibat dalam Program 'Earth Day, Orchid Show' yang diadakan di Straits Quay, Pulau Pinang yang dianjurkan oleh The Federation of Malaya Orchid Society dan Straits Quay. JAS Pulau Pinang terlibat sebagai pempamer dan juga mengadakan aktiviti pengumpulan ewaste dengan kerjasama Shan Poomam Metals Sdn. Bhd.

Program ini diadakan bersempena sambutan Hari Bumi bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada masyarakat tentang keunikan pokok orkid yang ada di negara kita. Dalam pada itu JAS Pulau Pinang turut mengambil peluang menyampaikan informasi berkenaan pengurusan ewaste yang betul kepada pengunjung yang hadir. Pengunjung yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat ini turut melibatkan para pelajar dari 40 buah sekolah di Pulau Pinang yang hadir bagi menjayakan program ini.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang 4 hari program ini berlangsung iaitu pada 28 sehingga 31 Mac 2024. Antaranya adalah pertandingan orkid, pertandingan melukis di bawah Persatuan Pandu Puteri, bengkel bonsai trimming, persembahan muzikal amal dan jualan pokok.

Terima kasih kepada pihak pengarjur di atas kesudian menjemput JAS Pulau Pinang sebagai salah satu agensi yang terlibat dalam menjayakan program ini.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspp_mac2024

#alamsekitartanggungjawabbersama



👍 Anda, Anis Zulaikha, Real Azizy dan 20 yang lain

👍 Suka

🗨️ Komen

🔄 Kongsi



Tulis komen...

